

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA****Kolaborasi Strategik TERAJU Dan RHB Islamic Bank Berhad  
Dalam Menyediakan Pembiayaan Rantaian Bekalan Kewangan  
Untuk Syarikat-Syarikat PKS Bumiputera**

---

**KUALA LUMPUR, 7 April 2021** – Teraju Bumiputera Corporation (“TERAJU”) bersama rakan kolaborasi strategik, RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic”) hari ini telah menandatangani satu perjanjian usahasama bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat PKS Bumiputera menerusi Program Rantaian Bekalan Kewangan (“Financial Supply Chain”).

Program Rantaian Bekalan Kewangan ini menawarkan pembiayaan kepada projek-projek yang diterima oleh syarikat PKS Bumiputera melalui kontrak Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, syarikat multi-nasional dan syarikat *anchor* Bumiputera yang berkelayakan. Penawaran fasiliti sebanyak RM126 juta ini merupakan pelaburan bersama di antara TERAJU dan RHB Islamic ini akan mula ditawarkan seawal bulan April 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Md. Silmi Abd. Rahman berkata “Pandemik Covid-19 telah mengakibatkan banyak syarikat-syarikat global dan tempatan mengalami kemelesetan aliran tunai dengan mendadak dan menyaksikan penguncutan KDNK negara kepada 2.0% - 0.5% pada tahun 2020, berbanding tahun 2019 di mana ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus (2018: 4.7%) dengan nilai RM1.42 trilion . Kaji selidik SME Corporation Malaysia menganggarkan sebanyak 73% PKS tempatan telah terjejas akibat pandemik ini. Adalah amat penting untuk merencanakan langkah bagi tujuan pemulihan ekonomi serta meningkatkan ‘resilience’ PKS Bumiputera pasca Covid-19 kerana PKS menyumbang lebih dari 38.9% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Saya menyifatkan usahasama seperti ini sebagai salah satu usaha pembolehcara dan pemudahcara strategik (strategic enabler and strategic facilitator) yang membentuk sinergi yang diperlukan untuk menggiatkan semula PKS Bumiputera.”

Usaha ini adalah selaras dengan sasaran TERAJU untuk memacu Agenda Bumiputera berdasarkan tujuh (7) *Key Economic Growth Activities* (KEGA) yang dikenalpasti melalui TPB2030 iaitu sektor-sektor ekonomi bernilai tinggi seperti kewangan Islam; ekonomi digital; logistik, pengangkutan dan kelestarian mobiliti; pelancongan; pertanian dan komoditi; halal dan makanan serta pembuatan.

"Dalam usahasama ini, RHB Islamic akan dapat membantu syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") Bumiputera mendapatkan fasiliti pembiayaan, terutama syarikat-syarikat yang terkesan akibat daripada pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia sekarang ini. Pihak PKS Bumiputera akan mendapat akses mudah kepada fasiliti Penyelesaian Pembiayaan Perdagangan Islam dalam persekitaran pasaran yang mencabar ini," kata Dato' Adissadikin bin Ali, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Bank.

"Melalui platform "Rantaian Bekalan Kewangan" atau "Financial Supply Chain" kami, pihak PKS Bumiputera akan dapat menikmati pembiayaan modal kerja dengan kadar segera tanpa perlu menyediakan sebarang bentuk cagaran. Platform elektronik ini membolehkan penghantaran pembiayaan invois dengan cepat, mudah dan selamat," sambung Dato' Adissadikin.

Program ini adalah kesinambungan daripada perjanjian kerjasama terdahulu diantara RHB Islamic dengan TERAJU untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera yang mengalami kesukaran untuk memperolehi pembiayaan. Kerjasama RHB Islamic dengan TERAJU bermula semenjak ianya menjadi salah satu daripada institusi pembiayaan dalam SKIM DANA TERAS pada bulan Disember 2012. Sepanjang program ini, RHB Islamic telah berjaya menjana pembiayaan bernilai kira-kira RM600 juta untuk Modal Kerja dan untuk tujuan Perolehan Aset bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah TERAJU.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, para PKS Bumiputera boleh melayari [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) dalam masa yang terdekat atau emel kepada [islamicbizdevp@nonsmtp.rhbgroup.com](mailto:islamicbizdevp@nonsmtp.rhbgroup.com).